

16 barang masuk senarai SHMMP Tahun Baharu Cina

Kajang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) menentukan harga maksimum bagi 16 jenis barangan untuk pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2020 berbanding 13 sebelum ini.

Pertambahan tiga barangan itu membabitkan cili merah, tomato dan ubi kentang import (China).

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah Pejabat KPD-NHEP, Cawangan Kajang Muhammad Sani Mohammad Nor berkata, pelaksanaan SHMMP ini sebagai langkah menyekat kenaikan harga barangan keperluan menjelang Tahun Baharu Cina

(TBC) 2020 yang disambut hari ini.

Katanya, tempoh pelaksanaan bagi SHMMP ini adalah selama 14 hari dan berkuatkuasa lima hari sebelum perayaan, sehari semasa hari perayaan dan lapan hari selepas perayaan.

"Kesemua barangan ini mendapat permintaan tinggi oleh masyarakat, disebabkan itu kawalan harga perlu dibuat ke atas 16 barangan ini bagi menstabilkan harga dan bekalannya di pasaran.

"KPDNHEP Kajang sudah memeriksa 1,757 premis sejak 1 hingga 23 Januari 2020, manakala bilangan premis yang diperiksa

sempena SHMMP TBC yang bermula 20 Januari 2020 sehingga kini adalah 157 premis.

"Untuk makluman, tiada tindakan kes diambil untuk SHMMP kali ini dan hari ini (semalam), kami sudah melakukan pemeriksaan dengan 16 pegawai terbabit dan didapati 300 peniaga mematuhi maksimum harga yang ditetapkan.

"Bagaimanapun, peniaga digalakkan menjual barangan harga terkawal lebih rendah daripada harga maksimum yang ditetapkan sekiranya harga belian diperoleh rendah," katanya selepas sesi *Walkabout* SHMMP di Pasar Awam Kajang di sini, semalam.

16 BARANGAN TERSENARAI

1. Ayam hidup
2. Ayam standard
3. Ayam super
4. Telur ayam gred A
5. Telur ayam gred B
6. Telur ayam gred C
7. Kubis bulat import
8. Cili merah
9. Tomato
10. Ubi kentang import (China)
11. Bawang putih
12. Ikan bawal putih
13. Udang putih besar
14. Babi hidup
15. Daging babi (perut)
16. Daging babi (daging dan lemak)